



KAMAR HAKIM BESAR  
MAHKAMAH AGUNG,  
BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD,  
JALAN RAJA,  
50506 KUALA LUMPUR.

Bil: (11) D1m. JK/MA 134

Tarikh: 26 Mei, 1988.

Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi,  
SEMENANJUNG MALAYSIA.

Hakim, Mahkamah Sesyen,  
SEMENANJUNG MALAYSIA.

Majistret, Mahkamah Majistret,  
SEMENANJUNG MALAYSIA.

Pendaftar,  
Mahkamah Rendah,  
SEMENANJUNG MALAYSIA.

*K2 Perkhidmatan/Keputusan*  
 Jika diajukan kepada *Hakim*  
 Yang Di-Pertuan/Majistret. *Pendaftar*  
 Untuk makluman/tindakan sewajarnya.  
*Saya Kesu/Kesu Mahkamah*  
*7/6/88*  
Pendaftar Kanan

Per: Perlaksanaan Penggunaan Bahasa Malaysia di Mahkamah

Adalah diberitahu bahawa saya telah menubuhkan suatu Jawatankuasa untuk mengkaji dan mencari jalan supaya perlaksanaan penggunaan Bahasa Malaysia di semua peringkat mahkamah di Semenanjung Malaysia dapat dilaksanakan sepenuhnya dalam masa yang singkat. Sehubungan dengan ini Jawatankuasa ini akan meneliti dan mengesyorkan supaya pihak-pihak tertentu dalam tempoh masa yang munasabah menterjemahkan dan menerbitkan undang-undang yang sering kali diperlukan untuk kegunaan di mahkamah seperti:-

Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980

Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980.

Akta Mahkamah Kehakiman 1964

Akta Mahkamah Rendah 1948

Kanun Prosedur Jenayah

Kanun Kesyeksaan.

Apabila sahaja undang-undang tersebut ini telah diterjemahkan dan diterbitkan maka peruntukan-peruntukan yang membenarkan penggunaan Bahasa Inggeris di Mahkamah seperti dalam Seksyen 8 dalam Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67, Kaedah 92 dalam Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980, Kaedah 53 Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 dan lain-lain akan disyorkan supaya dihapuskan dan hanya Bahasa Malaysia sahaja boleh digunakan. Sebaik sahaja pindaan ini disempurnakan maka segala pembicaraan di Mahkamah disyaratkan dalam Bahasa Malaysia sahaja.

- 2 -

2. Supaya Y.A./Dato'/Tuan/Puan tidak merasa kekok atau kurang senang apabila sahaja penggunaan Bahasa Malaysia di Mahkamah-Mahkamah menjadi wajib, adalah dinesihatkan supaya menggunakan Bahasa Malaysia dengan sedaya upayanya mulai sekarang sama ada dalam pembicaraan di mahkamah, catitan nota keterangan, hujah-hujah oleh pihak-pihak yang menjalankan kes (submission), penyediaan alasan hukuman dan sebagainya.

3. Mulai dari 1 Jun, 1988 Y.A./Dato'/Tuan/Puan dikehendaki menyediakan penyataan bulanan seperti dalam borang yang dikepilkan bersama-sama ini dan hendaklah disampaikan ke Jabatan Kehakiman untuk perhatian Bahagian Biro Terjemahan tiap-tiap tiga (3) bulan sekali. Pada permulaannya penyataan tersebut dikehendaki dihantar dalam minggu pertama bulan September, 1988.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

(TAN SRI DATO' ABDUL HAMID BIN OMAR)  
Hakim Besar Malaya.

s.k.

Y.A.A. Ketua Hakim Negara,  
Mahkamah Agung,  
KUALA LUMPUR.

Semua Ahli Jawatankuasa,  
Perlaksanaan Penggunaan Bahasa Malaysia.

Ketua Pendaftar,  
Jabatan Kehakiman Malaysia,  
KUALA LUMPUR.

Pendaftar,  
Mahkamah Tinggi Malaya,  
KUALA LUMPUR.